

Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Ugama di Negara Brunei Darussalam

Noorhaizadatul Akmar Metamit¹, Nur-Ashikin Hj Petra², Shamsinar Husain³

¹²³Sultan Hassanal Bolkhiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam

noorhaizadatul.metamit@jpi.edu.bn¹

APA Citation:

Metamit, N. A., Petra, N. A. H., Husain, S., (2025). Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Ugama di Negara Brunei Darussalam. *EDUCASIA*, 10(1), 107-120. doi: <http://dx.doi.org/10.21462/educasia.v10i1.301>

Abstract

This study was conducted in religious schools in Brunei Darussalam. The purpose of this study is to examine the implementation of Arabic language teaching in religious schools in terms of the readiness of religious teachers, the methods of implementing Arabic language teaching among religious teachers, and to identify the problems and challenges faced by religious teachers in teaching Arabic. The study respondents consisted of 133 religious teachers who teach Arabic in religious schools. The design of this study is descriptive survey-based, and the instrument used is a questionnaire. The findings of the study, analyzed using the Statistical Package for Social Sciences v.20 (SPSS), show that religious teachers are ready to teach Arabic, but there are several issues that arise in the implementation of Arabic language teaching. Meanwhile, the findings from the Crosstab analysis between the four districts do not show significant differences in the teaching of Arabic in terms of readiness, methods of implementation, and the problems and challenges faced by religious teachers in teaching Arabic in religious schools.

Keywords: Arabic Language, challenges, religious teacher, readiness and implementation

1. PENDAHULUAN

Bahasa Arab adalah merupakan salah satu bahasa yang utama di dunia kerana ia merupakan bahasa Al-Quran yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala melalui pesuruhNya Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wasallam seperti yang dinyatakan di dalam surah Az-Zukhruf ayat 3:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Tafsirnya:

“Sesungguhnya kami jadikan kitab itu sebagai al-Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya”.

Dalam mengajarkan bahasa asing seperti mata pelajaran Bahasa Arab, pengajaran bahasa asing memerlukan kepada pendekatan yang sesuai dan menarik. Kepelbagaian

pendekatan adalah penting untuk menarik minat pelajar agar mereka tidak menganggap mata pelajaran asing yang mereka pelajari itu suatu yang susah untuk dipelajari. Menurut kertas kerja Abang Hadzmin (2013), di antara punca pelajar itu lemah dalam menguasai bahasa Arab adalah disebabkan sistem pendidikan bahasa Arab itu bersifat tradisi khususnya dalam sukatan pelajaran dan kaedah pengajarannya.

Menurut Mazarul Hasan *et. al.* (2023), guru merupakan golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan. Guru juga perlu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pengajaran, mahir dalam subjek yang diajar, mempunyai kepakaran dalam menguruskan pengajaran dan pembelajaran, mampu menguruskan emosi murid dan sebagainya. Guru yang bijak, kreatif dan inovatif dapat menggunakan kaedah pengajaran pembelajaran yang berkesan dan melibatkan murid secara aktif dan terkawal. Kepelbagaian kaedah, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran akan menjadikan murid aktif, seronok dan mudah menerima apa yang diajar oleh guru.

Menurut kajian Rosni Samah (2019) mengenai isu pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab di Malaysia, telah menyatakan bahawa pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab banyak terpengaruh dengan pendekatan yang berpusatkan kepada guru sahaja dan pelajar hanya mendengar apa sahaja yang disampaikan oleh guru tersebut. Perkara ini tidak terkecuali dengan pendekatan pengajaran yang digunakan di sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja Abang Hadzmin (2012) mengenai analisa kurikulum mata pelajaran Bahasa Arab, yang mana ada menyatakan bahawa pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam masih bersifat tradisi khususnya dalam sukatan dan kaedah pengajaran guru yang hanya bersifat satu hala sahaja iaitu berpusatkan kepada guru. Melalui pengalaman pengkaji sendiri semasa menghadiri bengkel mata pelajaran Bahasa Arab Fasa Pertama pada tahun 2010, pengkaji telah mendapati ada sebahagian guru-guru ugama yang terlibat dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah ugama tidak mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab dan ini merupakan salah satu faktor yang boleh menyebabkan guru-guru ugama tersebut kurang yakin dalam melaksanakan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab.

Dari aspek penilaian pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab, melalui pengalaman pengkaji sendiri semasa mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di salah sebuah sekolah ugama di daerah Tutong dari tahun 2010 hingga ke tahun 2012, penyediaan kertas soalan peperiksaan untuk penilaian sama ada penilaian peperiksaan setengah tahun atau akhir tahun adalah tidak diselaraskan dengan sekolah-sekolah ugama yang lain. Ini disebabkan kertas soalan mata pelajaran Bahasa Arab tidak disediakan dan tidak diselaraskan oleh pihak yang berkenaan, berbanding dengan mata pelajaran lain seperti mata pelajaran Tauhid, Ibadat, Tarikh, Adab dan lain-lain mata pelajaran ada disediakan dan diselaraskan mengikut piawaian dan garis panduan oleh pihak berkenaan dalam menyediakan kertas soalan peperiksaan. Justeru itu, kertas soalan peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Arab adalah dibina sendiri oleh guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab itu untuk pelajarannya sendiri. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat keputusan penilaian tersebut akan menimbulkan keraguan tentang kesahan penilaian tersebut. Ini adalah disebabkan berkemungkinan kertas soalan tersebut boleh dijawab dengan baik bagi pelajarannya akan tetapi kertas soalan tersebut jika dijawab oleh pelajar di sekolah lain sama ada boleh

menjawab dengan baik atau tidak dapat menjawab dengan baik seperti pelajar yang di bawah pengajarannya.

Selain daripada itu, antara isu lain lagi yang mungkin timbul ialah terdapat guru agama yang tidak menghabiskan silibus atau sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan. Ini adalah kerana guru agama tersebut akan membina soalan berdasarkan yang diajarkannya sahaja.

Oleh yang demikian, guru merupakan satu agen yang berperanan dalam mewujudkan kepelbagaian sebagai satu tarikan yang boleh menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan sekaligus menolak tanggapan negatif yang menyatakan mata pelajaran Bahasa Arab adalah satu mata pelajaran yang susah. Guru perlulah mengubah terlebih dahulu persepsi mereka itu sendiri terhadap mata pelajaran Bahasa Arab agar memudahkan mereka menguasai pengajaran mereka dan ini akan menghasilkan pembelajaran yang berkesan kepada pelajar. Justeru itu, latar belakang akademik guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab perlu diambil kira kerana ianya salah satu faktor yang boleh mnyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

2. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Muhammad Marwan Ismail & Wan Moharani bin Mohammad (2009) terdapat beberapa elemen penting yang boleh mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, di antaranya ialah:

- i. Pengaruh bahasa ibunda yang kuat dalam diri;
- ii. Persekitaran yang kurang membantu pelajar dalam mempelajari bahasa Arab;
- iii. Guru dan pelajar merasa lebih selesa menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa ibunda;
- iv. Komunikasi bahasa Arab hanya terbatas digunakan dalam bilik darjah sahaja.
- v. Bahan-bahan pengajaran yang terbatas.

Elemen-elemen yang dinyatakan ini jika tidak diambil perhatian akan menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada kurangnya keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab.

Selain daripada elemen-elemen yang dinyatakan tadi, terdapat juga beberapa aspek yang perlu diambil berat iaitu aspek kesediaan guru dan aspek cara pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab tersebut. Menurut Azhar Arsyad (2010) sebab utama yang menjadikan sebuah pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab itu berkesan ialah guru perlu ada kesediaan diri dengan pengajaran dan pembelajaran yang akan dilaksanakan. Ini adalah disebabkan pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan datangnya dari kurangnya kesediaan seorang guru itu.

Manakala menurut Rosiyana (2020) bagi menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua, aktiviti pembelajaran perlu lebih terperinci dan fokus pada proses pembelajaran. Hal ini sangat penting bagi bukan penutur jati agar tidak mengalami kesulitan dalam mempelajari bahasa asing. Guru juga harus memahami kesulitan yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari bahasa asing, supaya proses pembelajaran dapat berjalan dengan efektif dan efisien. Ini adalah sangat jelas bahawa untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab itu berkesan, seorang guru itu perlu mengetahui tujuan pengajaran yang hendak dicapainya. Begitu juga dengan sikap,

yang mana guru hendaklah mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab.

Seterusnya, guru hendaklah mempunyai keupayaan. Maksud keupayaan di sini ialah seperti keupayaan dalam mengadakan strategi dan teknik, mengenal pasti pendekatan, kaedah pengajaran, alat bantu mengajar dan lain-lain lagi. Manakala dari segi peluang pula, guru perlu mengambil semua peluang yang ada seperti mengambil peluang dalam mengikuti bengkel, kursus, seminar atau kongres yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab. Begitu juga dengan lingkungan, guru hendaklah kreatif dalam menciptakan lingkungan dan persekitaran yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab itu dalam keadaan kondusif.

Bertitik tolak daripada hal ini, jika proses pengajaran tidak diambil berat oleh seseorang guru akan menjadikan dirinya tidak mempunyai kesediaan diri yang boleh mengakibatkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi kucar-kacir dan sekaligus akan menjadikan objektif pengajaran itu tidak akan tercapai.

Berikut adalah beberapa aspek dalam pengajaran dan pembelajaran:-

2.1. Aspek Pelaksanaan Pengajaran

Dari segi aspek pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab, menurut Rosni Samah (2009) menyatakan pengajaran bahasa asing seperti bahasa Arab memerlukan kepada teknik dan alat bantu mengajar. Perkara ini juga disokong oleh Azhar Arsyad (2010), yang mana menurut beliau seorang guru itu hendaklah sentiasa memikirkan kaedah dan teknik pengajarannya untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berkesan. Ini bertepatan dengan pernyataan Abd Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaluddin (2011) mengenai teknik pengajaran iaitu teknik yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. Teknik yang digunakan oleh Baginda Rasulullah s.a.w ialah teknik mengulang perkataan atau ayat itu sebanyak tiga kali. Untuk menggunakan teknik pengulangan ini, guru adalah dinasihatkan untuk memberi ruang rehat kepada pelajar selama seminit hingga tiga minit. Ianya bertujuan supaya pelajar itu mudah mengingat dan dapat mengulang semula ayat-ayat yang diajar. Ini disokong oleh Siti Rohani Jasni et. al (2020) yang menyatakan bahawa aktiviti latihan yang melibatkan teknik pengulangan dapat memantapkan pengetahuan sedia ada selain daripada menambah kecerdasan otak, kepintaran, menguatkan ingatan dan meningkatkan keyakinan.

Selain daripada teknik pengajaran, menurut Ahmad Mohd Salleh (2011), kaedah pengajaran seperti kaedah soal jawab juga perlu diambil berat kerana kaedah ini dapat mewujudkan interaksi dua hala iaitu di antara guru dengan pelajar. Kaedah ini adalah bertujuan untuk mengelakkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan hanya kepada guru sahaja. Manakala menurut Dayang Norsinah Hj Putting (2010), seorang guru Bahasa Arab tersebut perlu menguasai teknik-teknik penyoalan kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran

2.2. Aspek Cabaran Dalam Pengajaran:

Dari aspek pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab, menurut Rosni Samah (2009) telah menyatakan di antara isu-isu yang timbul dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab ialah:

2.2.1. Pengajaran yang hanya berpusatkan kepada guru

Ini adalah kerana ada guru-guru yang berpendapat bahawa proses pengajaran sehala ini adalah perlu disebabkan pengetahuan pelajar yang terlalu terbatas iaitu pelajar memerlukan kepada terjemahan semata-mata dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab. Hal ini disebabkan pengajaran yang menggunakan kaedah terjemahan mengambil masa yang banyak dalam sebuah proses pengajaran. Ini akan mengakibatkan objektif pengajaran tidak tercapai disebabkan peruntukkan waktu mengajar tidak mencukupi. Manakala menurut Saidai Hj Hitam (2001) dari dapatan kajian beliau bahawa guru-guru mata pelajaran Bahasa Arab menyatakan kaedah terjemahan adalah kaedah yang penting dalam proses penyampaian pengajaran.

2.2.2. Alat bantu mengajar

Menurut Rosni Samah (2012) alat bantu mengajar yang sering digunakan oleh guru-guru di dalam kajian beliau ialah papan putih sahaja. Penggunaan papan putih atau hitam sahaja tidak dapat menarik minat pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Zainuddin Abu Bakar et.al (2007) alat bantu mengajar hendaklah dipelbagaikan untuk menarik minat pelajar mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran.

2.2.3. Penggunaan buku teks

Selain daripada itu, isu yang timbul juga ialah penggunaan buku teks, yang mana menurut Kamarul Zaman Abd. Ghani (2011) buku teks adalah merupakan asas dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Perkara ini disokong oleh Mohd Fadzli Ismail dan Mohd Sukki Othman (2012) di dalam kertas kerja mereka semasa Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12) menyatakan bahawa buku teks merupakan satu-satunya rujukan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan dan dimiliki oleh semua pelajar. Ini adalah disebabkan buku teks berfungsi sebagai pengganti guru semasa pelajar membuat ulang kaji atau sebagai bahan rujukan di rumah.

3. METODOLOGI KAJIAN

3.1. Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang berbentuk tinjauan deskriptif. Pendekatan ini dipilih untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan terperinci mengenai aspek-aspek yang dikaji, serta untuk mengukur persepsi dan pengalaman responden secara objektif.

3.2. Responden Kajian

Responden kajian terdiri daripada 133 orang guru ugama yang bertugas di sekolah-sekolah ugama di seluruh daerah di Negara Brunei Darussalam. Pemilihan responden ini bertujuan untuk mendapatkan data yang relevan dengan konteks kajian.

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Soal selidik ini dibina dengan menggunakan skala Likert tiga mata iaitu “Setuju”, “Tidak Pasti”, dan “Tidak Setuju”. Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian utama:

- **Bahagian A: Demografi Responden**

Bahagian ini mengumpulkan maklumat mengenai latar belakang demografi responden seperti umur, jantina, pengalaman mengajar, dan kelayakan akademik.

- **Bahagian B: Kesediaan Guru Ugama**

Bahagian ini menilai kesediaan guru ugama dalam melaksanakan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab. Soalan-soalan dalam bahagian ini merangkumi aspek persediaan, keyakinan, dan pengetahuan guru mengenai subjek tersebut.

- **Bahagian C: Pelaksanaan Pengajaran**

Bahagian ini meneliti cara pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab oleh guru ugama. Ia merangkumi teknik pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, dan strategi pengajaran yang digunakan.

- **Bahagian D: Masalah dan Cabaran**

Bahagian ini mengenal pasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab. Soalan-soalan dalam bahagian ini bertujuan untuk mengenal pasti halangan yang mungkin mengganggu keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

3.4. Teknik Analisis Data

Data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik kepada responden yang terpilih. Responden diberi masa yang mencukupi untuk melengkapkan soal selidik dan data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the social Sciences v.20* untuk mendapatkan hasil yang tepat dan bermakna.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai. Analisis ini membantu dalam memberikan gambaran yang jelas mengenai kesediaan, pelaksanaan, serta masalah dan cabaran yang dihadapi oleh guru ugama dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab.

4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berikut adalah dapatan kajian iaitu:

4.1 Aspek Kesediaan Guru dalam Pengajaran Bahasa Arab;

4.1.1 Dari segi demografi

Hasil daripada dapatan data kajian tentang kesediaan guru dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab dari segi demografi adalah seperti berikut:

Rajah: 1 Demografi responden




Merujuk daripada rajah 1 tersebut, seramai 123 orang guru (92.5%) guru ugama mempunyai latar belakang pendidikan dari sekolah Arab dan seramai 10 orang (7.5%) tidak mempunyai latar belakang pendidikan sekolah Arab. Ini adalah disebabkan bagi guru ugama yang berkelulusan dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, mereka mempunyai latar belakang dari pendidikan aliran sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan. Manakala selebihnya adalah guru ugama yang berlatar belakangkan pendidikan aliran dari sekolah Arab di bawah Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya dapatan kajian bagi responden yang pernah mengikuti latihan perguruan yang mengandungi modul pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab ialah seramai 57 orang guru ugama (42.9%) dan seramai 76 orang guru ugama (57.1) menyatakan tidak ada mengiktui modul pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab di dalam latihan perguruan yang mereka ikuti.

Hasil daripada data kajian tersebut, majoriti daripada guru-guru ugama iaitu seramai 118 orang guru ugama (88.7%) bersetuju bahawa mata pelajaran Bahasa Arab perlu diajar oleh guru-guru ugama yang mempunyai latar belakang pendidikan Bahasa Arab. Ini bertepatan dengan pernyataan Abd.Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2011) iaitu salah satu peranan guru untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berkesan ialah mempunyai ilmu pengetahuan terhadap bidangnya supaya menjadikan dirinya berkeyakinan untuk mengajarkan tentang sesuatu perkara yang diajarkan. Oleh yang demikian, menurut pengkaji adalah perlu bagi guru ugama yang bukan berlatar belakangkan sekolah Arab mengikuti latihan perguruan yang mengandungi modul pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Arab agar mereka mempunyai keyakinan dan mempunyai pengetahuan untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah ugama.

Selanjutnya mengenai dengan tempoh pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab adalah seperti berikut:

Rajah: 2 Tempoh Pengalaman




Dari rajah 2 tersebut, seramai 35 orang guru (26.3%) mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab kurang daripada satu tahun, seramai 30 orang guru (22.6%) mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab selama satu tahun, 42 orang guru (31.6%) mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab selama dua tahun. Bagi yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab tiga tahun pula adalah seramai 17 orang guru (12.8%), 3 orang guru (2.3%) mempunyai

pengalaman mengajar mata pelajaran Bahasa Arab empat tahun dan bagi lima tahun ke atas ada seramai 6 orang guru (4.5%).

Seterusnya rajah 3 berikut adalah dapatan bagi guru agama yang pernah menyertai bengkel pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab:

Rajah: 3 Bengkel Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Arab



Daripada rajah 3 tersebut jelas menunjukkan guru agama yang pernah menyertai bengkel pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab adalah seramai 90 orang guru agama (67.7%) pernah menyertai dan seramai 43 orang guru agama (32.3%) tidak pernah mengikuti bengkel pengajaran Bahasa Arab. Menurut Nik Rahimi, Nurulhuda Hasan dan Mahat Afifi (2012) di dalam kajian yang bertajuk “*Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Pengajaran Bahasa Arab*” semasa Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab menyatakan bahawa guru yang boleh mengajar dengan baik dan berkesan ialah guru yang mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran yang diajarkan dan berkeyakinan serta bersemangat dalam mengajar mata pelajaran yang merupakan bidang mereka.

4.2 Persepsi dari aspek kesediaan;

Hasil dapatan kajian mengenai aspek kesediaan adalah seperti yang terdapat dalam rajah berikut:

Jadual 1: Persepsi guru dari aspek kesediaan

Item	S	TP	TS
1. Mengajar mata pelajaran Bahasa Arab adalah senang dan mudah.	65 48.9%	44 33.1%	24 18.1%
2. Saya bersedia untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Arab jika diarahkan.	93 70.0%	33 24.8%	7 5.3%
3. Saya berkomunikasi dalam bahasa Arab semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab.	56 42.1%	47 35.3%	30 22.5%
4. Saya faham apabila membaca surat khabar bahasa Arab.	23 17.3%	55 41.4%	55 41.4%
5. Saya faham apabila menonton program televisyen bahasa Arab.	24 18.0%	51 38.3%	58 43.6%
6. Mata pelajaran Bahasa Arab diajar oleh guru yang mempunyai latar belakang pendidikan sekolah Arab.	118 88.7%	9 6.8%	6 4.5%
7. Saya bersedia mengajar mata pelajaran Bahasa Arab jika prasarana mencukupi seperti alat bantu mengajar dan buku teks	109 82.0%	20 15.0%	4 3.0%
8. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab lebih berkesan dengan penggunaan ICT.	90 67.7%	38 28.6%	5 3.8%
9.	79	42	12

	Isi pelajaran di dalam sukatan pelajaran yang disediakan oleh pihak kurikulum adalah sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab.	59.4%	31.6%	9.0%
10.	Saya menegur dengan serta merta jika pelajar tersilap dalam berkomunikasi bahasa Arab.	114 85.8%	12 9.0%	7 5.3%
11.	Saya bersedia mengeluarkan belanja sendiri untuk pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab.	77 53.4%	40 30.1%	22 16.6%
12.	Batasan waktu yang disediakan adalah cukup untuk mencapai objektif pengajaran.	67 50.4%	32 24.1%	34 25.6%

Daripada jadual 1 tersebut menunjukkan hasil dapatan kajian dari segi persepsi guru ugama mengajar mata pelajaran Bahasa Arab seramai 65 orang guru ugama (48.9%) menyatakan senang dan mudah. Ini menunjukkan majoriti daripada guru-guru ugama bersetuju untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Arab jika diarahkan. Seterusnya bagi item soalan mata Pelajaran Bahasa Arab perlu diajar oleh guru-guru yang mempunyai latar belakang pendidikan sekolah Arab ialah majoriti daripada responden iaitu 118 orang guru ugama (%) bersetuju dan ini adalah bertepatan dengan pernyataan Abd.Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2011) iaitu salah satu peranan guru untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berkesan ialah mempunyai ilmu pengetahuan terhadap bidangnya supaya menjadikan seorang guru itu berkeyakinan tentang sesuatu perkara yang diajarkan. Walau bagaimanapun terdapat responden yang menjawab tidak bersetuju di dalam soalan terbuka kaji selidik dengan pernyataan seperti berikut:

“Bagi saya jikalau dapat bukan sahaja guru yang mempunyai latar belakang pendidikan di sekolah Arab ianya dibukakan kepada semua guru.ianya dapat memberi guru-guru yang lain mendapat pengetahuan”

Menurut Nik Mohd Rahimi, Nurulhuda Hasan dan Mahat Afifi (2012) di dalam kajian mereka iaitu *“Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Pengajaran Bahasa Arab”* semasa persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab menyatakan bahawa guru yang boleh mengajar dengan baik dan berkesan ialah guru ugama yang mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan mata pelajaran yang diajarkan agar guru merasa selesa dan bersemangat dalam mengajar mata pelajaran yang merupakan bidang mereka dan sekaligus guru dapat menyesuaikan pedagogi mereka dengan pelbagai kebolehan pelajar.

4.3 Aspek Cabaran dalam Pengajaran Bahasa Arab

Dari segi aspek cabaran dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab yang dihadapi oleh guru ugama terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu i) alat bantu mengajar, ii) kurikulum, iii) persediaan mengajar, iv) penilaian dan v) prasarana.

4.3.1 Dari segi alat bantu mengajar

Rajah 4: Aspek cabaran dari segi alat bantu mengajar



Dari rajah 4 tersebut jelas menunjukkan bahawa majoriti dari responden iaitu 124 (93.3%) bersetuju menyatakan bahawa alat bantu mengajar merupakan salah satu aspek permasalahan dan cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab. Terdapat beberapa pernyataan yang diperolehi dalam soalan terbuka kaji selidik yang menyatakan seperti berikut:

“masalah kewangan – membuat alat bantu”

“masa untuk menyediakan alat bantu tidak mencukupi (perlu yang berkemahiran dalam ICT)”

4.3.2 Dari segi kurikulum

Jadual: 2 Persepsi guru dari segi kurikulum


No	Item	S	TP	TS
13.	Kertas soalan mata pelajaran Bahasa Arab diselaraskan bagi semua sekolah-sekolah ugama.	94 70.7%	22 16.5%	17 12.8%
	Senarai kata kerja dalam bahasa Arab bagi memudahkan guru ugama dalam menulis objektif di dalam buku	79 59.4%	26 19.5%	28 21.1%
14.	persediaan mengajar ada disediakan oleh pihak kurikulum.			

Hasil dapatan kajian ini, dapat dilihat daripada rajah tersebut, yang mana menyatakan seramai 90 orang responden (67.7%) menyatakan kertas soalan perlu disediakan oleh guru yang mengajar Bahasa Arab itu sendiri. Pendapat pengkaji dalam hal ini berkemungkinan adalah disebabkan guru itu sendiri tahu tahap pengetahuan dan pencapaian pelajarinya dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Seterusnya mengenai item soalan yang menyatakan kertas soalan peperiksaan mata pelajaran Bahasa Arab diselaraskan bagi semua sekolah-sekolah ugama 94 orang responden (70.7%) bersetuju. Ini adalah untuk mengelakkan timbulnya *“bias”* dalam memberikan soalan-soalan di dalam kertas peperiksaan mata pelajaran Bahasa Arab seperti soalan yang dibina berdasarkan aras mudah. Antara lain juga salah satu kemungkinan yang berlaku jika kertas peperiksaan mata pelajaran Bahasa Arab tidak selaras ialah guru tidak akan menghabiskan sillabus yang telah disediakan oleh pihak tertentu.

4.3.3 Dari segi persediaan mengajar

Rajah: 5 Aspek cabaran dari segi persediaan mengajar



Rajah 5 tersebut jelas menunjukkan hasil dapatan kajian ini iaitu mengenai item soalan rancangan persediaan mengajar perlu ditulis menggunakan bahasa Arab, yang mana seramai 101 responden (75.9%) tidak bersetuju. Hal ini mungkin disebabkan terdapat guru ugama yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab tidak mempunyai latar belakang pendidikan sekolah Arab.

4.3.4 Dari segi penilaian

Jadual: 3 Cabaran dari segi penilaian

No	Item	S	TP	TS
15.	Kertas soalan disediakan oleh guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab itu sendiri.	90 67.7%	22 16.5%	21 15.8%
16.	Pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab sesuai dengan kemampuan semua pelajar	64 48.1%	44 33.1%	25 18.8%

Hasil dapatan kajian dari segi penilaian seperti mengadakan peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun, majoriti daripada guru ugama tidak membuat penilaian peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Bagi pendapat pengkaji penilaian adalah penting untuk mengukur sejauhmana keberkesanan pengajaran guru terhadap pelajar dan untuk mengetahui hasil pemerolehan pelajar daripada pengajaran guru tersebut.

4.3.5 Dari segi prasarana

Jadual: 4 Cabaran dari segi prasarana

No.	Item	S	TP	TS
17.	Makmal bagi pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab ada disediakan di sekolah.	33 24.8%	20 15.0%	80 60.2%

Hasil dapatan kajian dari segi prasarana seperti buku teks dan bilik khas atau makmal menyatakan buku teks mata pelajaran Bahasa Arab yang digunakan adalah sesuai dengan peringkat umur serta kebolehan pelajar, seramai 88 orang responden (66.2%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Begitu juga dengan item soalan yang menyatakan isi kandungan buku teks menarik iaitu seramai 85 orang responden (62.9%) bersetuju dengan pernyataan item soalan tersebut. Begitu juga dengan item soalan iaitu buku teks yang digunakan pada masa ini adalah selaras dengan sukatan pelajaran yang disediakan iaitu seramai 94 orang responden (70.6%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun terdapat responden yang menyatakan di dalam soalan terbuka kaji selidik yang menyatakan perlunya pengubahsuaian terhadap buku teks yang digunakan agar bersesuaian dengan tahap pelajar serta ianya dapat menarik minat pelajar. Berikut adalah yang dinyatakan responden di dalam soalan terbuka:

“Buku teks Bahasa Arab bagi darjah Pra hendaklah diubah suai lagi mengikut kehendak pengajaran bagi kanak-kanak yang baru mempelajari Bahasa Arab. Pelbagaikan sumber dan cara membentuk huruf untuk menarik minat murid-murid.”

Dalam perkara ini, pengkaji bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana mengikut pengalaman pengkaji sendiri, isi pelajaran buku mata pelajaran Bahasa Arab bagi darjah Pra ialah membentuk huruf hijaiyah ada dipelajari dalam mata pelajaran Tulisan Jawi. Justeru ini akan menjadikan pelajar bosan kerana mempelajari perkara yang sama iaitu membentuk huruf hijaiyah.

5. KESIMPULAN

Kajian ini telah merumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah ugama di Negara Brunei Darussalam dari aspek kesediaan telah mendapati bahawa majoriti guru-guru ugama mempunyai persepsi yang positif untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah ugama. Sikap positif guru-guru ugama ini juga jelas ketara jika prasarana untuk pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab mencukupi seperti alat bantu mengajar dan buku teks. Begitu juga dengan penyediaan bilik khas atau makmal bahasa Arab akan menjadikan guru-guru ugama merasa lebih yakin, selesa dan bersedia untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab.

Hal ini bukan hanya bermanfaat untuk guru, akan tetapi juga akan menjadikan pelajar bersemangat untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Arab dengan ada persekitaran yang dipenuhi dengan alat bantu mengajar mata pelajaran Bahasa Arab seperti poster-poster, buku-buku cerita bahasa Arab dan lain-lain lagi. Seterusnya bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran guru-guru ugama yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab ialah mereka perlu didedahkan dengan bengkel atau kursus untuk yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab sama ada dalam negara atau luar negara bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab yang berkesan dari masa ke semasa.

Dari aspek cabaran dan masalah, kajian ini telah merumuskan bahawa guru-guru ugama cuba mengatasi segala cabaran dan masalah dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab dengan mengikut kemampuan mereka. Hasil kajian juga mendapati guru-guru ugama ini juga sebolehnya berusaha untuk mengelakkan daripada menggunakan terjemahan atau bahasa ibunda semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Di antara cadangan yang diperlukan untuk membantu guru-guru ugama, pihak tertentu hendaklah membantu dengan menyediakan segala keperluan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab seperti alat bantu mengajar seperti menyediakan perisian interaktif bahasa Arab agar pelajar dapat mempelajari secara dalam talian (*online*) dan menyediakan buku-buku latihan kerja sekolah selain daripada buku teks yang boleh menarik minat pelajar.

Secara keseluruhan, kajian ini telah mendapati bahawa guru-guru ugama di Negara Brunei Darussalam bersedia melaksanakan pengajaran mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah ugama. Walaupun terdapat beberapa cabaran dan masalah yang timbul dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Arab, guru-guru ugama akan cuba menghadapi dan menangani dengan mencari jalan untuk mengatasinya demi menyahut kehendak pendidikan Negara Brunei Darussalam.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

- Abd.Ghani, K. (2011). *The Readability of Higher Arabic Language Text Books Based on Cloze Test Among SMKA Students*. *Journal of Language Studies*, 53 - 56.
- Abd.Halim Tamuri & Nik Mohd.Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abidin, H. M. (2003). *Satu Perbandingan Kesan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Univrsiti Islam Antarabangsa Malaysia*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awatif Abdul Rahman & Nor Syaidah Bahri. (2013). *Aktiviti Kognitif dalam Buku Teks Bahasa Arab " Manhaj Mutakamil Fi Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiah li Ghairi Biha" (Al-Kitab Al-Awwal)*. 3rd International Conference on Islamic Education . Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar, A. (2010). *Bahasa Arab dan Metode Pengajarannya : Beberapa Pokok Pikiran* . Yogyakarta : Pustaka Pelajar.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahman Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan* . Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Chik, A. A. (2012). *Memperkenalkan Bahan Bahasa Arab Yang Menarik dan Khidmat Bimbingan Secara Percuma*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hadzmin, A. (2012). *Pendidikan Islam di Brunei : Analisa Kurikulum Al-Quran dan Bahasa Arab*. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam* , 234 - 240.
- Hermawan, A. (2011). *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Bandung : PT Remaja Rosakarya.
- Kamarul Azmi & Abd.Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam : Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran* . Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Susana Saban, Norazimah Zakaria, Abu Bakar Yusuf. (2023). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Membina Ayat Bahasa Melayu Tahap I*. *International Journal of Modern Education*, 116-123.
- Mezah, C. R. (2010). *Pengajaran Bahasa Arab : Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fadzli Ismail & Mohd sukki Othman. (2012). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Tinjauan di SMAP Kajang*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Na'miy, A. A.-A. (1994). *Kaedah Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, N. H. (2012). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Pengajaran Bahasa Arab*. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Petra, D. H.-A. (2002). *Problems in Teaching Islamic Religious Knowledge: A Survey On Teachers' Perceptions In Secondary Schools In Negara Brunei Darussalam*. Malaysia: International Islamic University.
- Rosiyana. (2020). *Pengajaran Bahasa dan Pemerolehan Bahasa Kedua Dalam Pembelajaran BIPA (Bahasa Indonesia Penutur Asing)*. *Jurnal Ilmiah KORPUS*, 374-382.
- Rosni, b. S. (2009). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

- Saidai, H. H. (2001). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam : Satu Kajian Mengenai Permasalahan Guru dan Pelajar seta Penyelesaiannya*. Brunei Darussalam: Universiti Brunei Darussalam.
- Salleh, A. M. (2011). *Kurikulum Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam: KPLI Pengajian Islam & J-Qaf*. Malaysia: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani@Ahmad, Hakim Zainal. (2020). *Impak Pendekatan Kreatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 10-21.
- Wan Azura Wan Ahmad, L. A. (2007). *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Yaakub, M. B. (2007). *Teaching Arabic As A Second Language : An Evaluation Of Key Word Method Effectiveness*. Jurnal Teknologi, 61 - 72.